

Sepanjang pemerintahan Johor dikenali di seluruh dunia kerana pembangunan dan hubungan akrab dengan kerajaan asing

Berita Minggu
30/3/08 M/S 6 + 7



Almarhum Sultan Ibrahim (berdiri kiri) bersama kumpulan pemburu harimau bergambar kenangan di Stesen Parit Samsu pada 1915.



Sultan Ibrahim bapa pembangunan Johor

Oleh Azis Ngah
azis@bharian.com.my

DALAM sejarah dunia, hanya dua Raja yang berjaya meraikan Jubliatan menandakan pemerintahan mereka mencapai tempoh 60 tahun. Raja pertama ialah Queen Victoria, Ratu England yang memerintah negara itu dari 1833 hingga 1902 dan seorang lagi ialah Sultan Ibrahim ibni Sultan Abu Bakar, iaitu Sultan Johor ke-22 yang memerintah Johor dari 1895 hingga 1959.

Beliau diputerakan sebagai Tunku Ibrahim Iskandar di Istana Bidadari, Serangoon, Singapura pada 1873. Sultan Ibrahim adalah anak tunggal Sultan Abu Bakar Daeng Ibrahim dan Inche Zubaida Abdullah Inche Besar (isteri kedua Sultan Abu Bakar).

Berlatarbelakangkan pendidikan Inggeris sejak kecil, beliau diberi perhatian penuh sebagai bakal Sultan dan ketika menjadi Putera Mahkota pada usia 17 tahun, beliau pergi ke Eropah buat pertama kali pada Jun 1890. Beliau melawat Jerman, Switzerland, Perancis dan England.

Sultan Ibrahim menamatkan zaman bujang ketika berusia 20 tahun apabila





KEPALA kereta api yang ditulis perkataan 'MSR' (Muar State Railway) dipamerkan di Tanjung Emas, Muar.

fakta

Jasa dan sumbangan Sultan Ibrahim

- Pembinaan hospital, pejabat kerajaan.
- Menaungi badan pakatan Bahasa Melayu (Pakatan Bahasa Persuratan Melayu Persuratan Buku Di-Raja Johor).
- Meneruskan pembinaan Masjid Abu Bakar yang diusahakan ayahandanya, Sultan Abu Bakar.
- Lagu rasmi Johor 'Lagu Selamat Johor' ciptaan M Galistan (pemuzik dan juru-latih pancaragam) wajib dinyanyikan murid sekolah di negeri itu.
- Pada 1885, menubuhkan pasukan askar Johor dikenali nama Timbalan Setia Negeri Johor.

Sultan Ibrahim menamatkan zaman bujang ketika berusia 20 tahun apabila berkahwin dengan saudara sepupunya, Tengku Maimunah Ungku Abdul Majid pada 1892. Pasangan diraja itu dikurniakan putera Tengku Ismail (Tengku Putera) pada 1894.

Setahun selepas dikurniakan putera, beliau ditabalkan sebagai Sultan bergelar Sultan Sir Ibrahim di Balai Zaharah, Johor Bahru pada 7 September 1894.

Bagi memperluaskan pengetahuannya, beliau sering ke Eropah khususnya England dan beberapa negara lain. Pada 12 Mac 1934, beliau mengelilingi dunia diiringi Sultanah Helen dan Setiausaha Sulitnya, Kapten Sheikh Abdullah Yahya.

Rombongan bertolak dari Singapura menaiki kapal Jepun *Fujiyama Maru* menuju ke Jepun, kemudian singgah di Hong Kong dan Shanghai, China. Ketika di Jepun, Maharaja Jepun menganugerahkan beliau 'First Class Grand London of the Order of Rising Sun' sebagai tanda perkenalan dan persahabatan.



Sultan Ibrahim Ibni Sultan Abu Bakar

Sultan Ibrahim meneruskan pelayaran menaiki kapal *Chinchba Maru* dari Yokohama menuju ke Honolulu, San Francisco (lawatan ke Hollywood). Dari Los Angeles, beliau ke Chicago, Washington (lawatan ke Rumah Putih) dan kemudian New York.

Dari Amerika Utara, beliau ke England atas jemputan King George V dan Queen Mary menghadiri majlis perkahwinan puteranya Duke Of Kent di Gereja Besar Wetsminster. Sepanjang perjalanan itu beliau turut melawat India, Australia, Thailand, Indo-Cina dan Kemboja.

Pada September 1935, Kerajaan Johor dan semua peringkat rakyat mengadakan sambutan ulang tahun ke-40 Sultan Ibrahim bersemayam di atas takhta.

Sultan Ibrahim ke England untuk berunding dengan Inggeris pada Januari 1904

bagi membina jalan kereta api merentasi Johor. Laluan kereta api itu siap dibina dan dirasmikan pada 12 Disember 1908.

Bagi pihak kerajaan Johor, beliau dan Gabenor Sir Lawrence N Guillemard (Kerajaan Selat) meletakkan batu asas pembinaan Tambak Johor menghubungkan Woodland, Singapura pada 1924.

Daripada aspek pendidikan, beliau sangat mengambil berat pendidikan rakyatnya. Puteranya dihantar belajar di England dan menitahkan semua kanak-kanak supaya belajar.

Pada 1 Jun 1902, Enakmen Pelajaran diluluskan di mana semua ibu bapa atau penjaga hendaklah menghantar anak lelaki berusia tujuh tahun ke sekolah. Mereka yang ingkar akan dikenakan denda RM25 atau penjara selama tiga bulan.

Penulis sejarah, Haji Kamdi

Kamil dalam tulisan mengenai Sultan Ibrahim melalui buku *Tokoh Ternama Johor* menyatakan, sepanjang pemerintahannya, Johor dikenali di seluruh dunia kerana pembangunan serta hubungan akrabnya dengan ketua kerajaan asing.

Katanya, pada 17 September 1955, diadakan sambutan Jubli Intan sempena memperingati 60 tahun pemerintahan Sultan Ibrahim.

"Kegemaran Sultan Ibrahim ialah memburu binatang buas terutama harimau. Pada 1897, ancaman harimau menghantui peladang yang mengusahakan kebun. Binatang buas itu membiak dengan cepat dan mengorbankan peladang.

"Beliau kemudian berjaya menembak harimau dan sejak itu, kegiatan memburu diteruskan. Seekor harimau yang ditembak dipamerkan di Muzium Diraja Istana Besar, Johor Bharu," katanya.

Komunis letup Tugu Negara

Berasa terhina kerana pengganas menganggap merekalah pejuang negara

IOleh Mohd Azis Ngah
azis@bharian.com.my

SEPANJANG tahun terutama ketika musim cuti sekolah, ribuan rakyat dan pelancong asing menziarahi Tugu Peringatan Negara atau Tugu Negara yang menjadi lambang kedaulatan, kemegahan serta mercu tanda pejuang yang mempertahankan tanah air, Malaysia.

Tugu yang dibina dengan kos RM1.5 juta itu dibuka secara rasmi kepada orang ramai pada 8 Februari 1966 dan setiap tahun, pasti diadakan pelbagai program sempena memperingati Hari Pahlawan bertujuan mengenang jasa pejuang negara.

Bagaimanapun, langkah kerajaan mengagungkan pejuang bangsa itu jelas merobek perasaan pengganas komunis yang kononnya mendakwa mereka juga pejuang negara.

Yang pasti komunis berasa begitu terhina dengan patung


menyembah bumi manakala patung askar berdiri teguh memegang senjata dan bendera negara manakala satu patung lagi memangku rakan yang cedera.

Oleh kerana bencikan kerajaan, ingin melumpuhkan agenda mewujudkan keamanan dan cintakan negara di kalangan rakyat, komunis bertindak dengan mengebom Tugu Negara pada 26 Ogos 1975.

Kejadian itu berlaku kira-kira jam 5 pagi yang memusnahkan satu patung besar serta dua kepala patung yang jatuh daripada kedudukan asal. Pihak berkuasa percaya letupan itu dilakukan Barisan Pembebasan Kebangsaan Malaya (MNLF).

Berdasarkan siasatan awal, polis percaya komunis merancang untuk meletupkan Tugu Negara pada jam 6 pagi iaitu ketika sesi tiupan biugel yang diadakan di situ. Mereka mensasarkan untuk membunuh semua peserta yang mengambil bahagian dalam perbarisan, tetapi malangnya cubaan mereka gagal.

Mengikut perancangan awal, mereka merancang untuk meletupkan tiga bom yang diletakkan di situ, tetapi



SERPIHAN patung Tugu Negara yang diletupkan Komunis.

pagi ketika bangun untuk solat Subuh.

Unit Pemusnah Bom Polis menemui dua butir bom yang belum meletup di tempat kejadian serta kesan darah dipercayai milik pengganas yang cedera, tetapi masih sempat melarikan diri. Polis percaya empat pengganas terbabit dalam serangan itu termasuk seorang wanita.

Sebaik saja letupan berlaku, polis terserempak dengan dua orang dipercayai komunis menaiki motosikal tanpa memakai topi keledar dalam

tumpuan operasi ialah di semua kebanyakan penempatan yang disyaki terutama di sekitar Bangsar. Polis percaya, kumpulan pengganas itu mungkin menyamar sebagai pekerja buruh binaan.

Sehari selepas kejadian letupan itu, polis menemui sebuah motosikal jenis Yamaha 100 cc tersadai di tempat letak kereta berhampiran pasar Jalan Pudu kira-kira jam 1 tengah hari. Berdasarkan rekod, motosikal itu dipercayai dicuri di Flet Jalan Loke Yew pada 18 Ogos.

Tugu Negara

- Siap pada 8 Februari 1966 sebagai penghormatan kepada lebih 11,000 perajurit yang gugur dalam Perang Dunia I (1914-1918), Perang Dunia II (1935-1942) dan Darurat (1948-1960).
- Terletak berhampiran dengan bangunan Parlimen.
- Pada setiap tahun, 11 November, satu perbarisan hormat akan diadakan di Tugu Negara.
- Tugu itu setinggi 15 meter, diperbuat daripada gangsa dan direka pengukir Austria, Felix de Weldon.



malangnya satu daripada tiga bom itu meletup lebih awal yang meruntuhkan satu patung besar yang beratnya dianggarkan satu tan.

Lantai marmar di keliling kawasan tugu retak sepanjang 2 kaki disebabkan patung besar jatuh ke lantai. Letupan kuat itu menggegarkan kawasan perumahan di sekitar Taman Bunga dan sebahagian daripada tingkap rumah mereka pecah akibat gegaran letupan.

Antara penduduk yang mendengar letupan kuat itu ialah Baba Kemerdekaan

Negara, Tunku Abdul Rahman yang tinggal berhampiran Tugu Negara.

Beliau terdengar letupan kira-kira jam 5

keadaan mencurigakan di simpang Jalan Travers dan Jalan Bangsar, Kuala Lumpur.

Mereka melepaskan tembakan ke arah polis yang cuba menahan mereka sebelum menghilang di sebalik kegelapan dan kabus tebal.

Di tempat letupan, polis menemui dua topi keledar dan dua helai bendera komunis yang ditinggalkan di situ. Berdasarkan penemuan kesan darah di tempat kejadian, polis percaya kemungkinan seorang penyerang Tugu Negara tercedera terkena letupan.

Berikutan itu, polis segera mengeluarkan arahan meminta kerjasama doktor di hospital atau klinik yang didatangi mana-mana individu yang cedera terkena letupan supaya segera menghubungi polis.

Polis melancarkan gerakan besar-besaran mengesan empat pengganas berkenaan dan

Walaupun tidak dapat disahkan motosikal itu digunakan pengganas, jenisnya dikatakan menyamai laporan awal kenderaan yang digunakan dua pengganas untuk melarikan diri ketika terserempak dengan polis.

Penolong Kurator Kajian dan Penyelidikan Muzium Polis Diraja Malaysia (PDRM), Inspektor Selamat Sainayune menjelaskan Tugu Negara itu adalah sebagai peringatan kepada perwira yang terkorban demi tanah air ketika peperangan dan darurat pada 1942-1960.

"Ia simbol kenangan, pengorbanan yang dilakukan dengan penuh taat setia oleh segenap lapisan pasukan keselamatan yang rela mengorbankan jiwa dan raga mereka semata-mata untuk menyediakan sebuah negara yang merdeka di mana rakyat dapat hidup aman harmoni. Sebab itu ia wajar dihormati dan dipelihara bersama," katanya.

info

Sejarah awal Tugu Negara

- Tugu Negara terawal adalah tiang konkrit yang terletak di Jalan Tugu berhampiran bulatan di hadapan Stesen Kereta Api Kuala Lumpur, bersebelahan Masjid Negara.
- Didirikan oleh Pentadbir British bagi memperingati peperangan dan perwira yang terkorban.
- Tiang asal dialih ke kompleks Tugu Negara dan padanya tercatat tarikh: Perang Dunia I (1914-1918), Perang Dunia II (1939-1945) dan Darurat (1948-1960).

DEDICATED TO
THE HEROIC FIGHTERS
IN THE CAUSE OF



مقام
التي
التي
التي